



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12(23)
Tarikh : 07 April 2023
Bersamaan : 16 Ramadhan 1444H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Ketua Pusat Pembayar**

Tuan,

ARAHAN KERJA BIL.21/2023/O : HAD KEKERAPAN PENGGUNAAN ONE TIME VENDOR (OTV) DI iGFMAS

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa kekerapan penggunaan *One Time Vendor* (OTV) bagi kod vendor 10001 dan 10009 dalam Sistem iGFMAS dihadkan sebanyak tiga (3) kali setahun untuk setiap ID penerima bayaran. Pelaksanaan ini bagi memastikan penggunaan OTV adalah terkawal kepada keperluan operasi tertentu sahaja.

3. Arahan ini berkuatkuasa bermula 1 Mei 2023. Sekiranya penggunaan OTV telah mencapai had yang dibenarkan bagi ID penerima yang sama, Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mewujudkan kod vendor yang bersesuaian untuk meneruskan pembayaran bagi penerima berkenaan.

4. Sehubungan itu, PTJ adalah diingatkan untuk mematuhi perkara-perkara berikut :

- i. Memastikan semua Arahan Pembayaran menggunakan maklumat Data Induk Pembekal iGFMAS seperti yang ditetapkan di **Lampiran 1**;
- ii. Kaedah penyelesaian bagi pembayaran yang menggunakan OTV adalah seperti di **Lampiran 2**; dan
- iii. Permohonan bagi penggunaan kod OTV perlu dikemukakan ke jabatan ini sebelum transaksi bayaran dibuat.

5. Arahan Pembayaran tuan/puan akan dikuiiri sekiranya penggunaan kod pembekal tidak mematuhi arahan ini.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan”

Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A(M),CPA (Aust.))

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Melaka.



LAMPIRAN 1

No.	Kod Vendor OTV	Nama Vendor OTV	Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV
1.	10000	Saraan Federal Government	Penerima bayaran yang ditetapkan untuk Modul HCM seperti penerima bayaran naskah atau penerima bayaran saraan.
2.	10001	EMP2 – Pendapatan Bercukai	Penerima bayaran untuk pegawai/ kakitangan awam yang belum didaftarkan di dalam kategori Kod Vendor EMP atau pegawai/ kakitangan awam yang di bawah arahan Tahan Gaji atas sebab tertentu.
3.	10002	Factoring Vendor OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh pihak ePerolehan sebagai penerima bayaran syarikat Pemfaktoran
4.	10003	INSIST OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia melalui sistem INSIST
5.	10004	eCourtFinance OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman melalui sistem eCourtFinance
6.	10005	eBantuan	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk penerima bayaran bantuan JKM melalui sistem eBantuan.

No.	Kod Vendor OTV	Nama Vendor OTV	Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV
7.	10007	Penerima GUMIS	Penerima bayaran bagi bayaran balik Wang Tak Dituntut.
8.	10008	Deposit AR	Penerima bayaran bagi keadaan bayaran balik Deposit Am.
9.	10009	OTV-Arahan Pembayaran	Penerima bayaran yang tidak didaftarkan di dalam Data Induk Penerima Bayaran iGFMAS bagi bayaran secara one off yang dikhususkan untuk Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan sahaja.
10	10010	eLembaga Peperiksaan	Penerima Bayaran yang ditetapkan bagi Lembaga Peperiksaan

LAMPIRAN 2

SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

(1) Pembayaran Emolumen Pegawai Yang Baru Berkhidmat

PERKARA

Pembayaran Emolumen Pegawai Yang Baru Berkhidmat yang belum mempunyai kod Vendor Employee

PENYELESAIAN

OTV dibenarkan tiga (3) kali untuk pegawai baru berkhidmat belum mempunyai kod EMPLOYEE.

Mengambilira proses penyediaan Penyata Perubahan Mengenai Pendapat Seseorang Pegawai (Kew. 8) oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) ada yang mengambil masa sehingga ke dua(2) bulan, menyebabkan PTJ menggunakan OTV sementara maklumat kod vendor EMPLOYEE diwujudkan di iGFMAS. Justeru, Pejabat Perakaunan memohon untuk dibenarkan sekurang-kurangnya tiga (3) kali penggunaan OTV bagi pembayaran emolumen pegawai yang baru berkhidmat dalam tempoh kod vendor EMPLOYEE yang masih belum diwujudkan kerana kelewatan penyediaan Kew 8 oleh BPSM.

SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

(2) Pembayaran Melalui Bank Deraf Kepada Pembekal Luar Negara

a. Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6)
b. Pembayaran melalui iGFMAS kepada pembekal tersebut
c. Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6)

Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6) adalah dibenarkan di iGFMAS melalui platform eVendor. Walau bagaimanapun, terdapat semakan kawalan digit poskod yang dihadkan kepada 5-digit sahaja selari dengan bilangan digit poskod yang digunakan oleh Malaysia.

Sekiranya negara tersebut menggunakan poskod 5 digit, proses pendaftaran adalah seperti sedia ada.

Sekiranya negara tersebut menggunakan selain poskod 5 digit, workaround yang disyorkan oleh BPTM adalah dengan mengemaskini maklumat penuh poskod di dalam medan alamat.

Arahan Pembayaran (Modul AP) kepada pembekal luar negara perlu menggunakan Jenis Bayaran D - Bank Draft/TT.

Syor Penyelesaian :

Pendaftaran pembekal luar negara bagi Kod Pembekal SUPP (Siri 6) pada masa ini dibolehkan melalui eVendor.

Justeru pembayaran melalui Bank Deraf kepada pembekal luar negara tidak perlu menggunakan OTV kerana pendaftaran kod vendor boleh dibuat melalui eVendor seperti yang dinyatakan di atas.

SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

(3) Pembayaran Kepada Penerima Bayaran Individu Bagi Aktiviti Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)

PERKARA

Pembayaran kepada penerima individu bagi aktiviti SPR melibatkan penjawat awam dan orang awam.

Diputuskan untuk menggunakan kod vendor employee (penjawat awam) dan Payee Non Supplier (PANS) untuk bukan penjawat awam sebagai alternatif selain OTV sepertimana keputusan minit mesyuarat - Mesyuarat Mengenai Cadangan Sekatan Ke Atas Penggunaan *One Time Vendor (OTV)* Bersama Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Dan Pejabat Perakaunan bertarikh 21 September 2022 yang dilampirkan.

PENYELESAIAN

(4) Pembayaran Melalui Bayaran Balik Hasil Kepada Orang Awam/ Syarikat

PERKARA

Pembayaran kepada orang awam atau syarikat melalui Bayaran Balik Hasil menggunakan OTV

Menggunakan kod vendor *Payee Non Supplier (PANS)* bagi individu dan kod Vendor SUPP yang didaftarkan secara *off-line* oleh Pejabat Perakaunan bagi pembekal yang tidak memberikan perkhidmatan kepada Kerajaan dan tidak berdaftar di eVendor untuk tujuan bayaran balik hasil.

PENYELESAIAN

SITUASI PENGGUNAAN OTV DAN PENYELESAIAN

(5) Pembayaran Kepada Penerima Bayaran Individu Yang Tidak Mempunyai Kad Pengenalan

PERKARA	PENYELESAIAN
Pembayaran kepada Individu Yang Tidak Pembayaran menggunakan kod siri 6000 bagi entiti Mempunyai Kad Pengenalan. Merujuk kepada pendaftar <i>Others Dalam Negeri (ODN)</i> di sistem eVendor Bayaran Elaun Saku Rumah Kanak-Kanak Sultan sepertimana syor BPTM. Walaubagaimanapun, ID di bank Abdul Aziz. hendaklah selari dengan yang didaftarkan di eVendor bagi tujuan pelaksanaan 2 nd validation kelak.	

(6) Pembayaran Pegawai Yang Masih Berkhidmat Dibayar Di Luar Payroll Kerana Tindakan Tatatertib

PERKARA	PENYELESAIAN
Pembayaran Pegawai Yang Masih Berkhidmat Mewujudkan kod vendor <i>Payee Non Supplier (PANS)</i> bagi Dibayar Di Luar Payroll Kerana Tindakan Tatatertib di Pegawai Yang Masih Berkhidmat Dibayar Di Luar Payroll mana kod <i>Vendor Employee</i> adalah tidak aktif. Kerana Tindakan Tatatertib. Bayaran kepada pegawai boleh menggunakan kod vendor PANS bagi kes ini.	